

MENINJAU PENGLIBATAN PENDUDUK TEMPATAN DALAM AKTIVITI
PELANCONGAN
KAJIAN KES : KAMPUNG SERKAT, PONTIAN, JOHOR

RINA ILYANA BINTI ZAINAL

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

DEDIKASI

Bingkisan Khas Buat Insan-Insan Istimewa

Insan yang dicintai

Suami Saifuddin Semail dan puteri sulung Raeidah Safwah

Insan yang dikasihi

Ayahanda Zainal Sakio dan bonda Rusnah Mohd. Sam

Adik-adik yang disayangi

Hafiz, Ila, Ummi dan Da'a

Rakan-rakan seperjuangan

Yaziz, Azam, Fendi, Mail, Kak Imas, Kak Ton, Kak Lin, Kak Dayang, Kak Rut, Kak Ha dan Kak Noni

Segala doa, dorongan, kerjasama dan limpahan kasih sayang kalian telah membawaku ke tahap ini. Terima kasih atas segalanya

PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan keizinanNya, dapat saya menyelesaikan projek ini hingga sempurna

Sekalung penghargaan ditujukan kepada pembimbing saya, Prof. Madya Dr. Amran Hamzah yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan idea-idea yang bernas kepada saya sehingga siapnya kajian ini. Segala ilmu dan dorongan yang diberikan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Encik Abdul Aziz Abdul Samad dan Encik Abdul Rahim Abu Bakar yang turut membantu saya bagi menyempurnakan kajian ini. Tanpa kerjasama dari mereka kajian ini pastinya tidak dapat disempurnakan.

Akhir sekali penghargaan ini juga ditujukan kepada lain-lain pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini. Pengalaman yang dikutip bagi menyempurnakan kajian ini amat mahal harganya.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai penglibatan penduduk tempatan dalam aktiviti pelancongan. Ia telah dijalankan di Kampung Serkat, Pontian, Johor. Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah untuk meninjau persepsi penduduk kampung tersebut dalam penglibatan mereka ke atas aktiviti-aktiviti pelancongan yang dijalankan di situ. Secara khususnya pula, kajian ini cuba untuk i) mengenalpasti bentuk penglibatan penduduk tempatan dalam aktiviti pelancongan, ii) mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan penduduk tempatan dalam aktiviti pelancongan, iii) mengenalpasti kesan penglibatan penduduk tempatan terhadap aktiviti pelancongan, dan iv) mengenalpasti masalah-masalah yang timbul di kalangan penduduk tempatan akibat dari aktiviti pelancongan. Kajian ini dilakukan menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah temuduga semi struktur secara mendalam (in-depth semi structure interview) diaplikasikan bagi mengumpulkan maklumat-maklumat yang diperlukan. Data dari sesi temuduga tersebut ditafsir semula melalui transkrip. Petikan perbualan dari transkrip perbualan temuduga dipaparkan bagi menganalisa setiap topik yang ingin dibongkar. Hasil dapatan dipersembahkan dalam bentuk teori middle grounded bagi memudahkan pemahaman. Dapatan kajian menunjukkan hampir separuh dari penduduk tempatan di kawasan kajian terlibat secara tidak langsung. Hanya sebilangan kecil sahaja yang terlibat secara langsung. Walaubagaimanapun, penglibatan mereka hanyalah secara sampingan sahaja. Faktor minat dan masa merupakan faktor utama yang mempengaruhi penglibatan mereka. Kesan dari aktiviti pelancongan di kawasan kajian ini dapat dilihat dari sudut ekonomi, sosial, budaya dan fizikal.

ABSTRACT

This research is about the study of the participation of local residents in tourism activity. This research was conducted at one of the local villages in Johor namely, Kampung Serkat in the province of Pontian. The main focus of this research is to study the perception of the villagers about various tourism activities that they have participated. Particularly, this research is i) to know what kind of participation that the villagers participated particularly in tourism activities, ii) to determine what are the factors that influence villagers to participate in tourism activities, iii) to examine the effects of the participation of the villagers in tourism activities and iv) to analyze what are the problems that caused by the participation of the villagers in tourism activities. This research was qualitative in nature which, in depth semi-structure interview method was applied in order to collect the needed data. After that, the data that collected from this interview is transcribed and translated. Quoting the important points from this transcribed interview and each of them will be presented and analyzed. The finding is presented in middle grounded theory so it will help us in understanding the result easily. This finding has shown that almost half of the residents of studied area participated in the tourism activities indirectly. Only few of them participated directly. However, their participation is only partially. Interest and time are the two factors that really influential in their participation in tourism activities. The effect of tourism activities in studied area can be seen from various angles, economically, socially, culturally and physically.

SENARAI KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
	Borang Pengesahan Status	
	Judul	
	Borang Pengakuan	ii
	Borang Kelulusan Penyelia	iii
	Dedikasi	iv
	Penghargaan	v
	Abstrak	vi
	Abstact	vii
	Senarai Kandungan	viii
	Senarai Jadual	xii
	Senarai Rajah	xiii
	Senarai Gambar	xiv
	Senarai Singkatan	xv
	Senarai Lampiran	xvi
1	PENGENALAN KAJIAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	3
	1.4 Matlamat Kajian	5
	1.5 Objektif Kajian	5
	1.6 Persoalan Kajian	5

1.7	Skop Kajian	6
1.8	Pendekatan Kajian	7
1.9	Kepentingan Kajian	9
1.10	Kesimpulan	10
2	KAJIAN LITERATUR	11
2.1	Pengenalan	11
2.2	Masyarakat Tempatan Dan Aktiviti Perlancongan	11
2.3	Bentuk Penglibatan	12
2.4	Faktor Penglibatan	15
2.5	Kesan Pelancongan	19
2.6	Kesimpulan	22
3	PENDEKATAN KAJIAN	23
3.1	Pengenalan	23
3.2	Falsafah Penyelidikan Kuantitatif	23
3.3	Falsafah Penyelidikan Kualitatif	24
3.4	Perbandingan Penyelidikan Kuantitatif Dan Kualitatif	26
3.5	Pemilihan Pendekatan Kajian	27
3.5.1	Temuduga Semi-Struktur Secara Mendalam	28
3.5.2	Teori <i>Middle Grounded</i>	29
3.5.3	Saiz Sampel	30
3.5.4	Pembentangan Data	30
3.6	Pendekatan Kajian	31
3.6.1	Kajian Preliminari	31
3.6.2	Pengumpulan Data	31
	3.6.2.1 <i>Data Primer</i>	32
	3.6.2.2 <i>Data Sekunder</i>	33
3.6.3	Analisis Data	33

3.6.4	Rumusan	33
3.6.5	Cadangan	34
3.7	Kesimpulan	34
4	ANALISIS DATA	34
4.1	Pengenalan	34
4.2	Analisis Bentuk Penglibatan	34
4.2.1	Analisis Jenis Penglibatan	35
4.2.2	Analisis Bentuk Aktiviti	36
4.2.3	Analisis Kumpulan Peserta	38
4.3	Analisis Faktor Penglibatan	39
4.3.1	Faktor Utama	40
4.3.2	Faktor Sekunder	41
4.3.3	Faktor Potensi	43
4.4	Analisis Kesan Penglibatan	44
4.4.1	Ekonomi	44
4.4.2	Sosial	45
4.4.3	Budaya	46
4.4.4	Fizikal	47
4.5	Masalah	47
4.5.1	Kos	48
4.5.2	Sambutan Penyertaan	48
4.5.3	Kemahiran	49
4.5.4	Agihan Pelancongan	49
4.6	Kesimpulan	50
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	51
5.1	Pengenalan	51
5.2	Rumusan Bentuk Penglibatan	52

5.3 Rumusan Faktor Penglibatan	53
5.4 Rumusan Kesan Penglibatan	54
5.5 Masalah dalam Penglibatan Penduduk Tempatan Terhadap Aktiviti Pelancongan.	55
5.6 Cadangan	56
5.7 Kesimpulan	56

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Faktor Penglibatan Masyarakat	18
2.2	Kesan Aktiviti Pelancongan (Ashworth)	20
2.3	Kesan Aktiviti Pelancongan (Scheyvens)	21
3.1	Kekuatan dan Kelemahan Pendekatan Penyelidikan Kuantitatif dan Kualitatif	27
4.1	Senarai Responden	32
5.1	Masalah Dalam Penglibatan Penduduk Tempatan Terhadap Aktiviti Pelancongan	55
5.2	Cadangan Dalam Meningkatkan Penglibatan Penduduk Tempatan Terhadap Aktiviti Pelancongan	58

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Pendekatan Kajian	8
2.1	Peringkat Penglibatan	15
5.1	Rumusan Bentuk Penglibatan	52
5.2	Rumusan Faktor Penglibatan	53
5.3	Rumusan Kesan Penglibatan	54

SENARAI GAMBAR

NO. GAMBAR	TAJUK	MUKA SURAT
4.1	Projek ternakan lebah madu	36
4.2	Kawasan paya bakau di sekitar Kampung Serkat	38
4.3	Kawasan dusun buah-buahan	42
4.4	Kawasan kampung yang tenang	44

SENARAI SINGKATAN

JKKK – Jawatkuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung

BPH – Badan Pengurusan *Homestay*

SENARAI LAMPIRAN

NO.	TAJUK
------------	--------------

1	Garis Panduan Temuduga
---	------------------------

BAB 1

PENGENALAN KAJIAN

1.1 Pengenalan

Pembangunan aktiviti pelancongan berasaskan masyarakat mampu memperkukuhkan sesebuah institusi kemasyarakatan (Brohman, 1996). Situasi ini wujud kerana penduduk tempatan saling bekerjasama bekerjasama di antara satu sama lain bagi menonjolkan keunikan yang ada dalam masyarakat tersebut. Mereka akan merancang dan melaksanakan bersama aktiviti-aktiviti pelancongan yang ingin ditonjolkan kepada pihak luar.

Penglibatan penduduk tempatan dalam aktiviti pelancongan dapat memberikan pelbagai impak positif kepada mereka. Buhalis (2003) menegaskan bahawa penglibatan dari penduduk tempatan dalam aktiviti pelancongan dapat membantu mereka meningkatkan lagi taraf ekonomi, sosial dan budaya. Penduduk akan mendapat peluang pekerjaan, menjual hasil produk tempatan dan mengusahakan lain-lain perusahaan yang berkaitan dengan aktiviti pelancongan. Dengan menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut, mereka akan memperolehi peluang untuk memperbaiki lagi ekonomi. Mereka juga berpeluang untuk menambah pengetahuan dan pengalaman bagi meningkatkan lagi tahap sosial. Dari aspek peningkatan budaya pula, ia termasuklah peningkatan terhadap

pemahaman dan penghargaan budaya, warisan dan nilai yang dipegang oleh penduduk tempatan itu sendiri.

Menurut Murphy (1988), penglibatan dari penduduk tempatan juga boleh dijadikan sebagai alat untuk memelihara keunikan yang ada dalam sesuatu masyarakat. Setiap masyarakat berpegang pada adat yang diwarisi secara turun temurun dari generasi terdahulu melalui proses sosialisasi. Hampir semua golongan masyarakat kaya dengan pelbagai adat yang telah diatur oleh nenek moyang mereka sejak dari hari pertama kelahiran hinggalah saat kematian.

1.2 Latar Belakang Masalah

Apabila industri pelancongan bergantung sepenuhnya terhadap budaya tempatan dan sumber-sumber semulajadi, ia memerlukan penglibatan dari penduduk tempatan bagi mengendalikannya (Lilywhite dan Lilywhite, 1991). Ini kerana penduduk tempatan tahu apa yang mereka inginkan untuk kebaikan bersama (Murphy, 1995).

Menurut Richard dan Hall (2000), penduduk tempatan berpotensi menjadi faktor untuk menarik golongan pelancong ke sesuatu daerah. Gaya hidup sesuatu kelompok masyarakat yang berbeza di antara satu kawasan dengan kawasan lain dapat menjadi satu produk pelancongan yang unik.

Timothy (1999) menambah, penglibatan penduduk tempatan dalam aktiviti pelancongan dapat dilihat dari dua sudut iaitu yang pertama penglibatan penduduk tempatan dalam membuat keputusan dan kedua penglibatan penduduk tempatan dalam mendapat keuntungan atau faedah hasil dari aktiviti pelancongan. Melalui jenis penglibatan yang pertama, penduduk tempatan berpeluang untuk menyuarakan harapan dan keinginan mereka kepada pihak yang akan membangunkan kawasan berkenaan.

Aspek yang kedua pula memberi peluang kepada mereka untuk meningkatkan ekonomi dan taraf hidup.

Akama (1996) turut menjelaskan, penduduk tempatan perlu diberikan peluang untuk mencadangkan atau menetapkan program-program pembangunan pelancongan yang bersesuaian dengan persekitaran mereka. Ini kerana mereka bukan hanya bertindak sebagai sumber kepada aktiviti pelancongan, tetapi dalam masa yang sama mereka adalah aset penting yang mampu menjana aktiviti pelancongan yang lebih rancak lagi dan lebih berkesan.

1.3 Pernyataan Masalah

Di sesetengah kawasan, pembangunan bagi aktiviti-aktiviti pelancongan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan ataupun operator pelancongan secara besar-besaran telah menyebabkan sumber pendapatan penduduk tempatan terjejas (Bell, 1987). Situasi ini berlaku kerana pihak yang merancang kegiatan pelancongan tidak tahu dan tidak faham akan keperluan masyarakat berkenaan (Timothy, 1999). Selain daripada itu, penduduk tempatan juga tidak mempunyai kuasa untuk mempengaruhi sesuatu aktiviti pembangunan pelancongan (Scheyvens, 2000).

Menurut Millar dan Aiken (1995) pula, pembangunan bagi aktiviti-aktiviti pelancongan boleh menimbulkan konflik di kalangan sesama penduduk tempatan dan juga di antara penduduk tempatan dengan pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*) yang lain. Beliau menambah, perubahan akan berlaku kepada penduduk tempatan melalui interaksi harian mereka. Mereka terpaksa berkorban untuk berkongsi apa yang mereka miliki secara eksklusif selama ini dengan pihak lain (pelancong dan *stakeholder*). Sekiranya perancangan tidak dibuat dengan teliti, ia akan menjurus kepada berlakunya konflik dan huru-hara di kalangan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung ataupun sebaliknya.

Page dan Dowling (2002) menjelaskan, kelakuan yang ditunjukkan oleh penduduk tempatan merupakan komponen utama yang boleh digunakan untuk mengenalpasti, menilai dan menganalisis kesan positif atau negatif dari aktiviti pelancongan. Dowling (2002) pula menambah, kesan negatif yang dibawa oleh industri pelancongan turut menggugat tahap kemampanan adat, budaya, warisan dan gaya hidup bagi sesebuah masyarakat tempatan. Situasi seperti ini perlu dicegah dari berlaku secara berleluasa.

Brandon (1996) pula menambah, penduduk tempatan perlu menetapkan tahap keterlibatan mereka di dalam aktiviti pelancongan yang ingin dikongsi dengan pelancong. Adat, budaya, warisan dan gaya hidup yang ingin ditonjolkan kepada pelancong telah ditapis terlebih dahulu. Perkara-perkara yang sensitif tidak akan ditonjolkan atau didedahkan kepada pihak luar (pelancong). Jadi, mereka dapat mengenalpasti dan berjaga-jaga dengan kesan yang dibawa oleh pelancong terhadap masyarakat mereka dan seterusnya dapat mengekalkan keaslian dan keunikan sumberjaya-sumberjaya yang mereka miliki.

Berdasarkan dari situasi-situasi yang telah ditemui ini, dapat dikenalpasti beberapa perkara yang mampu menggugat perkembangan pembangunan industri pelancongan. Penglibatan penduduk tempatan dalam menjayakan aktiviti pelancongan perlu dirancang sebaik mungkin supaya tidak timbul perkara-perkara yang boleh menghalang, membantutkan dan seterusnya merosakkan perkembangan industri ini. Elemen-elemen seperti bentuk penglibatan, faktor penglibatan serta kesan penglibatan perlu dikenalpasti bagi menjayakan usaha tersebut. Pemilihan Kampung Serkat di Pontian sebagai kawasan kajian amat bertepatan kerana sebahagian dari penduduk kampung ini telah terlibat sama ada secara langsung ataupun secara tidak langsung dalam menjalankan aktiviti-aktiviti sejak 12 tahun yang lalu.

1.4 Matlamat Kajian

Meninjau dan menilai sejauhmana penduduk Kampung Serkat melibatkan diri mereka dalam usaha untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti pelancongan yang telah dirancang.

1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan matlamat umum di atas, maka beberapa objektif berikut dibentuk untuk dicapai melalui kajian ini iaitu ;

- 1) Menenalpasti bentuk penglibatan penduduk tempatan terhadap aktiviti pelancongan.
- 2) Menenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan penduduk tempatan dalam aktiviti pelancongan.
- 3) Menenalpasti kesan penglibatan penduduk tempatan terhadap aktiviti pelancongan.
- 4) Menenalpasti masalah-masalah yang timbul di kalangan penduduk tempatan yang terlibat dalam aktiviti pelancongan.
- 5) Mengemukakan cadangan penambahbaikan bagi meningkatkan lagi tahap penglibatan penduduk tempatan yang terlibat dalam aktiviti pelancongan.

1.6 Persoalan Kajian

Lanjutan dari beberapa objektif kajian yang telah dibentuk, maka beberapa persoalan utama dikemukakan untuk dijadikan sebagai garis panduan kepada

perlaksanaan kajian ini. Persoalan-persoalan yang ingin dibongkar adalah seperti berikut :

- 1) Apakah bentuk penglibatan penduduk tempatan dalam menjayakan aktiviti pelancongan?
- 2) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan penduduk tempatan dalam aktiviti pelancongan?
- 3) Apakah kesan yang diterima oleh penduduk tempatan rentetan dari penglibatan mereka terhadap aktiviti pelancongan?
- 4) Apakah masalah-masalah yang timbul di kalangan penduduk tempatan yang terlibat dalam aktiviti pelancongan?

1.7 Skop Kajian

Skop kajian ini hanya tertumpu kepada kawasan kajian yang telah dipilih iaitu Kampung Serkat, Pontian, Johor. Responden terdiri dari beberapa orang penduduk kampung berkenaan yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dan juga mereka yang tidak terlibat dalam aktiviti pelancongan. Strategi ini digunakan berdasarkan keperluan untuk melihat secara keseluruhan pandangan penduduk tempatan kampung berkenaan. Berdasarkan dari objektif yang ingin dicapai, maka kajian ini cuba meneroka tiga aspek utama iaitu :

- 1) Bentuk penglibatan
Aspek penglibatan di dalam kajian ini dilihat dari sudut jenis penglibatan, bentuk aktiviti dan juga kumpulan peserta.
- 2) Faktor penglibatan
Aspek faktor penglibatan di dalam kajian ini merupakan adaptasi dari Model Penglibatan Masyarakat McKnight dan Kretzman (1997). Melalui

model ini, faktor penglibatan terbahagi kepada tiga iaitu faktor utama, faktor sekunder dan faktor potensi.

- 3) **Kesan penglibatan**
Aspek kesan penglibatan di dalam kajian ini merupakan adaptasi dari Model Kesan Aktiviti Pelancongan Ashworth (2002). Melalui model ini, kesan penglibatan akan melibatkan keluarga dan masyarakat serta terbahagi kepada tiga sudut iaitu ekonomi, sosial dan budaya.


Akhir sekali, pengkaji ingin mengenalpasti apakah masalah-masalah semasa yang timbul dalam melaksanakan aktiviti pelancongan di kawasan berkenaan. Penetapan skop kajian dilakukan dengan mengambilkira pertimbangan masa dan lain-lain kos yang berkaitan dengan keperluan bagi kajian ini.

1.8 Pendekatan Kajian

Bagi memenuhi segala keperluan dalam kajian ini dan seterusnya mencapai objektif yang telah ditetapkan, pendekatan kajian perlu dirancang dengan teliti (rujuk Rajah 1.1). Bagi kajian ini, terdapat empat peringkat yang perlu dilalui iaitu :

- 1) **Kajian awalan**
Pada peringkat permulaan, permasalahan kajian dikenalpasti terlebih dahulu. Seterusnya pembentukan objektif kajian, persoalan kajian dan skop kajian dibentuk sepadan dengan permasalahan yang timbul.
- 2) **Pengumpulan data**
Data primer dikumpulkan melalui proses temuduga semi-struktur. Data sekunder pula dikumpulkan melalui pembacaan jurnal, artikel dari pelbagai bahan bacaan dan juga internet.

Rajah 1.1 : Pendekatan Kajian



3) Penganalisaan data

Data mentah yang dikumpulkan hasil dari proses temuduga ditafsir semula secara teliti melalui transkrip.

4) Rumusan dan cadangan

Rumusan dibuat dengan membangunkan beberapa teori *middle grounded* berdasarkan objektif-objektif yang telah ditetapkan. Seterusnya, cadangan yang bersesuaian dikemukakan.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk meninjau secara intensif aspek penglibatan penduduk tempatan dalam menjayakan aktiviti-aktiviti pelancongan. Melalui kajian ini, pengkaji mengharapkan agar dapat :

- 1) Menghuraikan secara terperinci tentang penglibatan penduduk tempatan di Kampung Serkat terhadap aktiviti pelancongan.
- 2) Menyedarkan penduduk tempatan tentang faedah yang boleh diperolehi dari aktiviti pelancongan.
- 3) Memberikan maklumat tentang aspek penglibatan penduduk tempatan kepada mana-mana pihak yang berkepentingan (*stakeholders*).
- 4) Memberikan cadangan bagi penambahbaikan aspek kegiatan yang boleh dilakukan bagi meningkatkan penglibatan penduduk tempatan dalam aktiviti pelancongan.

1.10 Kesimpulan

Adalah diharapkan agar kajian ini dapat mencapai matlamat dan objektif sebagaimana yang telah ditetapkan. Ia seterusnya dapat membantu perkembangan pembangunan pelancongan secara amnya. Secara khususnya pula kajian ini akan dapat memberikan pemahaman tentang penglibatan penduduk tempatan dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti pelancongan di kawasan berkenaan.